

PM persoal dana RM3j tak selesai isu air di UMS

Anwar minta laporan penuh sejak peruntukan dilulus tahun lalu

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi dan Izwan Abdullah
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu laporan penelitian dikemukakan berkaitan peruntukan segera RM3 juta diberi kerajaan tahun lalu bagi mengatasi masalah air di Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Perdana Menteri mengakui terasinggung dengan laporan mengenai sekumpulan pelajar di universiti berkenaan yang mengadu tidak mandi berikutan tiada bekalan air.

"Tahun lalu saya ke sana. Saya dengar keresahan dan minta pengesahan Naib Canselor. Saya luluskan (peruntukan), saya tidak mengerti sama ada mungkin projek itu ambil masa.

"Saya tidak mahu membuat keputusan menghukum seperti setengah ustaz yang cepat menghukum.

"Cuma, saya nak minta laporan teliti, apa jadi sejak Menteri Kewangan luluskan peruntukan segera untuk selesaikan masalah air di UMS," katanya berucap pada Perhimpunan warga Kementerian Kewangan (MOF) bersama Perdana Menteri dan Menteri Kewangan di sini, semalam.

Selain di UMS, Perdana Menteri mahu laporan sama dihantar membabitkan masalah bekalan air di sebuah kem tentera negeri itu.

"Sebelum itu (ke UMS), saya pergi ke kem tentera yang turut menghadapi masalah sama. Jadi, saya minta juga (laporan dike-

KPT salur dana tambahan RM2j atasi isu air di UMS



Keratan akhbar BH semalam.

muka)," katanya.

Tambahan dana RM2 juta

Kelmarin, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir, memaklumkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan menyalurkan peruntukan tambahan RM2 juta kepada UMS bagi mengatasi masalah bekalan air dihadapi.

Beliau berkata, UMS memerlukan peruntukan tambahan, terutama untuk kawasan yang mempunyai sumber air, tetapi air tidak boleh dipam naik ke kawasan tinggi di asrama berkenaan.

Di Kota Kinabalu, peruntu-

kan RM3 juta yang disalurkan Anwar bagi menangani masalah air di UMS sudah digunakan secara optimum.

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS sebelum ini menyatakan, peruntukan itu dimanfaatkan bagi melaksanakan projek pengurusan air di kampus universiti berkenaan.

Presiden MPP UMS, Jeeva Casanddra Abdul Mumin, berkata perkembangannya dimaklumkan pada mesyuarat dipengerusikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS pada 15 November tahun lalu.

Katanya, MPP dimaklumkan projek menambah baik pengurusan air di UMS berada dalam keadaan baik apabila gerak kerja fasa pengurusan dan urus tadbir serta proses perolehan sudah selesai.

Beliau berkata, ia membabitkan kerja pembinaan perpaipan dan sistem rawatan air yang dilaksanakan dua kontraktor secara serentak.

"Peruntukan RM3 juta diberi

kerajaan digunakan secara optimum bagi melaksanakan projek pengurusan air ini.

"Sehingga kini, kira-kira RM18 juta sudah dibelanjakan bagi kerja-kerja seperti penggerudian dan pembinaan sistem rawatan air sejak 2021.

"Bagi gerak kerja projek seterusnya, setiap kontraktor akan diberikan masa empat bulan dengan peruntukan RM1.5 juta untuk menjayakan projek di tapak masing-masing," katanya melalui kenyataan itu.

Jeeva Casanddra berkata, pihaknya sudah bersedia dengan alternatif tambahan jika isu air di UMS semakin kritikal, termasuk menghantar surat kepada Ketua Menteri Sabah berhubung isu bekalan air dihadapi Jabatan Air Negeri Sabah (JANS).

Difahamkan, UMS mengambil beberapa langkah pengurusan air di kampus universiti itu termasuk pemasangan tangki pam air di kolej kediaman pelajar untuk memudahkan air dipam dari tangki luar ke tangki bangunan.



Kedudukan asrama di kawasan tinggi antara punca air tidak boleh dipam naik.

(Foto Mohd Adam Arinin/BH)